



DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA

EKONOMI: PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN MELAYU PULAU PINANG*

OLEH

DATO' SERI ABDUL RAHMAN MAIDIN

PRESIDEN

DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA

I. Mukadimah

Ekonomi Negeri Pulau Pinang telah melalui perubahan serta pertumbuhan yang mengagumkan: Dari sebuah ekonomi yang dicirikan oleh pertanian serta perkhidmatan perdagangan 'entrepot' pada tahun-tahun enam-puluhan, ia telah bertukar sejak tahun-tahun tujuh-puluhan menjadi sebuah ekonomi yang dicorakkan oleh pembuatan yang berasaskan eksport serta perkhidmatan yang berkaitan dengan eksport pembuatan. Kini, ia sedang bersedia untuk menjadi sebuah ekonomi yang bertunjangkan ilmu dan pengetahuan (*K-Economy*). Namun demikian, transformasi struktur yang dicipta serta pertumbuhan yang kelak dijana mungkin tidak menghasilkan keseimbangan ekonomi di antara bangsa Melayu dan bukan Melayu. Malah, besar kemungkinan ketidakseimbangan tersebut menjadi lebih ketara lagi – jika ia tidak ditangani segera melalui pendekatan dan kaedah yang lebih bijak, terancang dan bersepadu.

* Kertas kerja yang dibentangkan di Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang, pada 17-18 September 2003, di Auditorium Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Penghargaan terima kasih diucapkan kepada pasukan yang telah membantu untuk menyediakan kertas ini. Mereka terdiri dari En. Mustafa Mohamed Najimudin, Puan Zaiton Ahmad, En. Aziz Jafary, dan En. Mohd. Azreen Jamian.

Kertas ini merangkumi tiga bahagian:

- Bahagian pertama melihat transformasi serta cakupan pencapaian ekonomi negeri Pulau Pinang sejak tahun-tahun enam-puluhan.
- Bahagian kedua menggaris pencapaian ekonomi Melayu Pulau Pinang ekoran transformasi serta pertumbuhan ekonomi negeri;
- Bahagian ketiga mengupas cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh ekonomi Melayu Pulau Pinang, dan membentangkan strategi serta langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan atau menghapuskan ketidakseimbangan di antara ekonomi Melayu dengan ekonomi bukan Melayu di dalam ekonomi negeri Pulau Pinang.

II. Ekonomi Negeri Pulau Pinang

Jika ekonomi Asia Barat (termasuk ekonomi Malaysia) pernah diakui dan dikagumi oleh dunia sebagai “Ketakjuban Ekonomi Asia” (*The Asian Economic Miracle*), ekonomi negeri Pulau Pinang dapat digambarkan pula sebagai “Ketakjuban Ekonomi Pulau Pinang” (*The Penang Economic Miracle*). Transformasinya, serta pertumbuhan ekoran transformasi tersebut, adalah mengagumkan. Dari sebuah ekonomi yang dicirikan oleh pertanian serta perkhidmatan perdagangan ‘*entrepot*’ pada tahun-tahun enam-puluhan, ia telah bertukar menjadi sebuah ekonomi bertunjangkan pembuatan yang berasaskan

eksport serta perkhidmatan yang berkaitan dengan eksport pembuatan, sejak tahun-tahun tujuh-puluhan.

KDNKnya, dalam tempoh 32 tahun, meningkat dari RM 1.25 ribu juta pada tahun 1970 ke RM 17 ribu juta pada tahun 2002 – peningkatan lebih kurang 17 kali ganda. Apa yang lebih membanggakan adalah transformasi sektoral yang dialaminya. Dari sebuah ekonomi yang bertunjangkan perdagangan/perkhidmatan (yang menyumbang 62 peratus terhadap KDNKnya) dan pertanian (yang menyumbang 20 peratus terhadap KDNKnya) pada tahun 1970, ia menonjolkan ciri sebagai sebuah ekonomi yang dijana oleh pembuatan (yang menyumbang 45 peratus terhadap KDNKnya) dan perdagangan/perkhidmatan (yang menyumbang 50 peratus terhadap KDNKnya). Malah, perdagangan/perkhidmatan pada tahun 2002 adalah sokongan kepada pembuatan – tidak seperti pada tahun 1970 di mana ia terjana dari aktiviti pelabuhan bebas. Lihat Jadual I di Lampiran.

Tidak dapat dinafikan bahawa industri elektronik merupakan penjana utama peluang pekerjaan. Walaupun bilangannya adalah 22 peratus dari jumlah kilang yang terdapat di Pulau Pinang, ia menawarkan 61 peratus dari jumlah pekerjaan dalam ekonomi negeri tersebut. Industri logam, walaupun jumlah kilangnya melebihi industri elektronik lantaran ia memiliki 24 peratus dari jumlah kilang, menawarkan hanya 10 peratus dari jumlah pekerjaan dalam sektor pembuatan ekonomi negeri Pulau Pinang. Lihat Jadual II di Lampiran.

Sektor pembuatan yang menjana sebahagian besar pertumbuhan ekonomi negeri Pulau adalah dari pelaburan asing. Modal berbayar pelaburan asing merupakan 67 peratus dari jumlah modal berbayar dan ia menawarkan lebih kurang 77 peratus dari jumlah pekerjaan. Pelaburan tempatan, walaupun memiliki 47 peratus dari jumlah kilang, hanya menyumbangkan 33 peratus dari jumlah modal berbayar dan menawarkan hanya 23 peratus dari jumlah pekerjaan. Lihat Jadual III di Lampiran.

III. Ekonomi Melayu Pulau Pinang: Pencapaian

Ekonomi Melayu Pulau Pinang dapat ditakrifkan sebagai pemilikan serta penguasaan orang Melayu di Pulau Pinang ke atas tanah, hartanah, modal, teknologi, serta ilmu dan pengetahuan (sebagai faktor pengeluaran). Ia juga merangkumi keupayaan serta kebijaksanaannya mengadun dan mengolah faktor-faktor tersebut untuk menjana kekayaan dan kesejahteraan.

Ekonomi Melayu Pulau Pinang – walaupun terserap di dalam arus perdana ekonomi negeri – masih lagi rendah tahapnya, dari segi kuantum serta kualiti faktornya dan pulangan ke atas faktor. Malah, kualiti pembangunan sumber manusianya juga rendah. Hal ini jelas terbukti dari purata pendapatan sebulan isirumah Melayu di antara tahun 1990 hingga 1999.

Pada tahun 1990, purata pendapatan isirumah Melayu adalah RM 1,025 sebulan. Pada tahun 1999, purata pendapatannya adalah RM 2,427 sebulan. Ia menunjukkan peningkatan. Namun demikian, apabila ia dibandingkan dengan pendapatan isirumah kaum Cina, ia masih lagi ketinggalan. Malah, ia juga ketinggalan bila dibandingkan dengan pendapatan kaum India. Daya pengeluaran faktor yang rendah lantaran kerendahan atau keterbatasan pemilikan faktor serta penguasaan ke atas faktor terbukti dari nisbah jurang pendapatan antara kaum – jika dibandingkan pendapatannya dengan pendapatan kaum-kaum lain di dalam ekonomi negeri Pulau Pinang. Nisbah jurangnya dengan pendapatan kaum Cina adalah 0.66:1 pada tahun 1990 dan 0.64:1 pada tahun 1999. Nisbah jurangnya dengan pendapatan kaum India pula adalah 0.82:1 pada tahun 1990 dan 0.84:1 pada tahun 1999. Lihat Jadual IV di Lampiran. Jika angka-angka tersebut diambil sebagai trend, jurang pendapatan di antara isirumah Melayu dan bukan Melayu mungkin menjadi lebih luas lagi di masa yang akan datang.

IV. Ekonomi Melayu Pulau Pinang: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan

Ekonomi Melayu Pulau Pinang kini dan akan berhadapan dengan dua cabaran utama yang berikut:

- Cabaran rempuhan gelombang globalisasi yang kian menukarkan corak ekonomi-politik pengeluaran dan perdagangan barangan dan perkhidmatan antarabangsa dari satu yang berpaksikan negara-bangsa (*nation-state*) ke satu yang bercirikan negara-pasaran (*market-state*)¹; dan,

¹ Philip Bobbit (2002): *The Shield of Achilles: War, Peace, and the Course of History*; New York: Alfred A. Knopf.

- Cabaran peralihan ekonomi negeri dari sebuah ekonomi yang bercirikan pengeluaran (*P-Economy*) ke sebuah ekonomi yang bertunjangkan ilmu dan pengetahuan (*K-Economy*).

Namun demikian, cabaran-cabaran tersebut tidak harus dilihat sebagai halangan. Kita tidak harus berasa gentar dengan cabaran-cabaran tersebut. Joel Kotkin² di dalam bukunya, telah menyatakan bahawa bangsa-bangsa yang menguasai ekonomi global adalah yang berikut: Bangsa Anglo-Saxon, Yahudi, China, India, dan Jepun. Mereka berupaya menguasai ekonomi global lantaran mereka menonjolkan ciri-ciri yang berikut:

- Satu identiti dan kesedaran kebangsaan yang kukuh;
- Satu sikap kesedaran tolong-menolong yang mantap untuk membantu ahli-ahli menjajari dan menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi dan politik dunia dengan perpaduan dan kesepaduan bangsa tersebut terus terjamin dan terpelihara;
- Satu jaringan yang mapan yang memungkinkan perniagaan bangsa itu terus bergerak melampaui sempadan negara dan rantau; dan,
- Satu kecintaan yang mendalam terhadap ilmu dan pengetahuan tanpa mengira sumbernya, dan satu keterbukaan minda yang merangsangkan pembangunan sains dan budaya bangsa itu.

Tidak mustahil ekonomi Melayu Pulau Pinang untuk menangani cabaran-cabaran yang sedang dan kelak dihadapinya, dan tidak mustahil ia diujakan dengan ekonomi negeri, negara, dan antarabangsa – jika ciri-ciri yang digariskan oleh Kotkins diambil sebagai

² Joel Kotkin (1994); *Tribes: How Race, Religion, and Identity Determine Success in the New Global Economy*; New York: Random House.

panduan. Dua asas, lantaran itu, perlu dibina. Asas pertama adalah kekukuhan jati diri yang mengutamakan semangat dan prinsip “Melayu Tolong Melayu” – menerusi mana jaringan yang meluas dan mendalam dapat disemai dan dibina. Asas kedua adalah cinta yang mendalam terhadap ilmu dan pengetahuan – tanpa mengira sumber dan asal ilmu dan pengetahuan tersebut. Tiap individu Melayu di Pulau Pinang (dari setiap lapisan, sektor, kelompok, serta organisasi) bertanggungjawab dan menjunjung amanah bahawa ia merupakan satu unit dalam satu jaringan yang luas yang memegang teguh kepada semangat dan prinsip “Melayu Tolong Melayu”. Ia juga bertanggungjawab dan menjunjung amanah terhadap perjuangan ke arah pengilmuan bangsanya.

Bertolak dari situ, apa yang diperlukan adalah perancangan serta persediaan yang bijak, terancang, serta bersepadu menerusi ‘Strategi Tiga Serangkai’ yang berikut:

- Penjajaran dengan arus pembangunan perdana masa depan ekonomi negeri Pulau Pinang;
- Penggembleran kekuatan sedia ada ekonomi Melayu Pulau Pinang; dan,
- Pembangunan Sumber Manusia Melayu Pulau Pinang.

‘Strategi Tiga Serangkai’ ini memerlukan struktur serta proses pelaksanaan yang terancang, termantau, serta bersepadu. Ia merupakan tanggungjawab seluruh masyarakat Melayu Pulau Pinang. Individu, persatuan, serta badan-badan kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat demi memastikan supaya strategi tersebut terlaksana dengan licin dan lancar.

Penjajaran dengan arus pembangunan perdana masa depan ekonomi negeri Pulau Pinang

Kerajaan negeri Pulau Pinang³, sebagai gerak balas terhadap cabaran-cabaran yang timbul dari globalisasi serta persaingan dari negara China dan negara-negara membangun yang lain, telah mengambil strategi berikut demi memastikan kelebihan kompetitif ekonomi Pulau Pinang:

- Strategi pengukuhan kedudukan (*consolidation*); dan,
- Strategi penerokaan peluang-peluang baru (*exploration*).

Pengukuhan kedudukan adalah menerusi pembangunan yang berikut:

- Pembuatan bernilai dan bermutu tinggi (*high-end manufacturing*);
- Reka bentuk ICT (*ICT design*);
- Alat tanpa wayar dan bergerak (*wireless and mobile devices*), dan pusat panggilan (*call centres*);

Penorakaan peluang-peluang baru pula adalah menerusi pembangunan yang berikut:

- Fototonik;
- Aplikasi 'software';
- Bio-informatik; dan,
- Bio-teknologi marin.

³ Lihat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (2003); "Enhancing Competitiveness in the Manufacturing Sector: The Case of Penang State"; kertas kerja yang dibentangkan di '24th JAMECA-MAJECA Joint Conference' di Jepun, pada 10 Julai 2003.

Apa juga yang kelak menentukan masa depan arus perdana ekonomi negeri, ekonomi Melayu Pulau Pinang perlu dipersiapkan dan diperkembangkan supaya ia sejajar dengan arus tersebut. Tidak mustahil ia dicapai. Berani saya menegaskan di sini bahawa ekonomi Melayu Pulau Pinang (bahkan ekonomi Melayu seluruh negara) memiliki keupayaan menguasai ekonomi yang berlandaskan ilmu dan pengetahuan (*K-Economy*). Sebahagian besar institusi Penyelidikan dan Pembangunan (baik yang berada di dalam atau di luar IPTA) adalah milik sektor awam dan hampir semua penyelidikannya terdiri dari bangsa Melayu. Mereka menjalankan penyelidikan di dalam berbagai bidang – termasuk bidang-bidang yang telah disebutkan tadi. Sebagai contoh, seorang profesor di dalam bidang teknologi nano (*nanotechnology*) di Universiti Teknologi Malaysia telah berjaya menghasilkan silika ‘*aerogel*’ dari sekam padi – yang dulunya dibuang atau dibakar begitu sahaja. Malah, ramai lagi penyelidik, di USM umpamanya, telah berjaya membuat berbagai penemuan di dalam berbagai bidang. Penemuan-penemuan ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta dengan berkesan untuk kemajuan serta pembangunan ekonomi Melayu Pulau Pinang. Satu kaedah, lantaran itu, perlu dicari dan digarap supaya ia dapat dimanfaatkan. Kaedahnya adalah menerusi kerjasama erat di antara universiti (sebagai pusat yang menjana penyelidikan), industri (yang dimiliki atau dikuasai Melayu), dan sektor awam (sebagai perancang dan pelaksana dasar) terutamanya Badan-Badan Kemajuan Negeri Pulau Pinang, Unit Penyertaan Bumiputera, dan PERDA (Penang Regional Development Authority). Pendekatan serta kaedah tersebut akan menghasilkan manfaat yang semaksimum mungkin hasil penyelidikan IPTA dan, sekali gus, mengupayakan ekonomi bangsa Melayu untuk ‘melompat kijang’ – sejajar dengan arus perdana ekonomi negeri, negara, dan antarabangsa.

Penggemblengan kekuatan sedia ada ekonomi Melayu Pulau Pinang

Amir Hussin Baharuddin
Pendidikan di
Ekonomi Melayu Pulau Pinang memiliki potensi kekuatan yang tersendiri. Pertama, ia mempunyai 'leverage' politik untuk menentukan penggemblengan serta penggunaan sumbernya. Kedua, kekuatannya juga terletak pada kekayaan sejarah serta budayanya.

Bangsa Melayu di Pulau Pinang di masa yang lalu merupakan pelopor serta perintis dalam berbagai bidang – termasuk pemikiran, pendidikan, ekonomi, dan budaya. Sheikh Tahir, umpamanya, merupakan seorang tokoh yang telah memberi sumbangan besar terhadap pemikiran serta penulisan Melayu. Satu lagi contoh yang baik adalah Abdullah Fahim: Beliau terkenal sebagai seorang tokoh ulama serta ilmuwan yang telah memberi sumbangan besar terhadap pendidikan Islam di Pulau Pinang. Kedudukan geografis ekonomi Melayu Pulau Pinang yang strategik merupakan juga kekuatannya. Ia memiliki sumber maritim serta marin yang tidak atau belum lagi dimaksimumkan potensinya.

Sebilangan usahawan Melayu terlibat di dalam aktiviti yang berkaitan dengan perairan Pulau Pinang – umpamanya, pengangkutan serta pemindahan barang (kering dan basah) dari kapal ke pelabuhan dan sebaliknya. Namun demikian, aktiviti yang berkaitan dengan maritime serta marin Pulau Pinang belum lagi dieksploitasikan sepenuhnya. Oleh itu, ia berpotensi untuk diluaskan – umpamanya, pengangkutan penumpang dari pusat-pusat (points) yang terdapat di serata kawasan pulau dan darat. Malah, ia berupaya mengurangkan masalah (dari segi kos dan masa) yang berkaitan dengan kesesakan lebuhraya dan jalan. Perairan Selat Melaka juga menawarkan peluang yang luas. Ia tidak harus di lihat sebagai jurang pemisah di antara penduduk di Semenanjung Malaysia dengan penduduk di Sumatra. Ia harus dilihat sebagai jambatan yang mempertemukan dan

merangkai kedua-duanya. Saya selama ini menyuarakan tentang perlunya diwujudkan satu kerjasama dan pakatan ekonomi di antara keduanya, menerusi Kerjasama Ekonomi Selat Melaka (*Stratis of Malacca Economic Cooperation – SOMEK*). Kerjasama begitu rupa akan merangkaikan penduduk Islam di Malaysia seramai lebih kurang 11 juta dengan penduduk Islam seramai 196 juta di Indonesia. Infrastruktur yang telah disediakan serta proses yang sedang berjalan lancar menerusi Pertumbuhan Tiga Segi Indonesia-Malaysia-Thailand (*IMT-GT*) dapat, lantaran itu, digunakan sepenuhnya untuk merealisasikan kerjasama tersebut.

Di samping Kerjasama Ekonomi Selat Melaka, ekonomi Melayu Pulau Pinang harus keluar merentasi sempadan negeri dan negara untuk merangkumi juga dunia Islam. Langkah ini, sebenarnya, tidak menentang arus. Malah, ia kian menjadi teras dan pola ekonomi masa depan lantaran beralihnya ekonomi-politik pengeluaran dan perdagangan barangan dan perkhidmatan antarabangsa dari satu yang berpaksikan negara-bangsa (*nation-state*) ke satu yang bercirikan negara-pasaran (*market-state*) – seperti yang telah saya nyatakan di atas tadi. Tanpa kita sedari, kita sebenarnya sudahpun berada di ambangnya – dalam bentuk pasaran-ummah (*market-ummah*) yang meliputi jumlah 1.9 ribu juta umat Islam di seluruh dunia. Saya, selaku Naib-Presiden ‘*International Islamic Chamber of Commerce and Industry*’ (ICCI) yang bertanggungjawab ke atas ICCI Asean ++, telah mengambil pendekatan ‘pasaran ummah’ untuk merangkai semua usahawan Islam di rantau Asia Pasifik lantaran tidak semua negara (seperti China, India, Jepun dan negara-negara lain di Rantau Asia Pasifik) menganggotai OIC. Sebagai contoh, negara China mempunyai penduduk Islam seramai 133 juta, India seramai 150 juta, dan Jepun

seramai 1.2 juta. Infrastruktur dalam bentuk bazaar sudah terwujud. Malah, laluan sutera serta rempah (*silk and spice routes*) sebelum penjajahan Barat ke atas Timur dirangkai dan dihubungi oleh bazar-bazar yang merentangi laluan-laluan tersebut. Apa yang perlu dilakukan adalah untuk menghidupkan kembali rangkaian dan rantaian bazar yang merentasi Istanbul dan Kaherah di Timur Tengah, Medan dan Pulau Pinang di Asia Tenggara, dan Beijing di Timur Jauh.

Aset bangsa Melayu di Pulau Pinang walaupun kecil jumlahnya adalah lebih besar nilainya, jika dibandingkan dengan aset bangsa Melayu di negeri-negeri lain. Ini adalah kerana proses perbandaran yang pantas di dalam negeri Pulau Pinang. Di masa lampau, aset tersebut bertukar milik ke tangan bangsa lain secara langsung dan terus. Wang tunai hasil jualan aset tersebut dibelanjakan dan gagal dijadikan modal untuk menambah lagi aset yang berbentuk tunai itu tadi. Aset yang masih ada, walaupun kecil saiznya, mempunyai nilai intrinsik yang tinggi. Satu langkah yang bijak dan kreatif perlu dicari dan digarap untuk memobilisasi dan meningkatkan dana dan aset bangsa Melayu (milik individu, badan kerajaan, dan badan bukan kerajaan Melayu) yang ada – tanpa perlu hak milik bertukar tangan. Konsep dan kaedah '*reversionary interest*' – yang lumrah dipraktikkan di negara-negara Barat – merupakan salah satu konsep dan kaedah di mana dana dan aset Melayu Pulau Pinang tidak hanya dapat dipertahankan malah dipertingkatkan.

Pembangunan Sumber Manusia Melayu Pulau Pinang

Sumber manusia harus merupakan aset terpenting lantaran apa yang berada di antara dua telinga kita, dan bukannya apa yang terletak di bawah kaki atau sekeliling kita, yang akan menjadi penjana kekayaan ekonomi Melayu Pulau Pinang apabila ekonomi negeri beralih ke ekonomi yang berasaskan ilmu dan pengetahuan.

Lantaran kian beralihnya ekonomi negeri Pulau Pinang dari ekonomi yang berasaskan pengeluaran ke ekonomi yang bertunjangkan ilmu dan pengetahuan pengetahuan serta kian perlunya bangsa Melayu dipupuk supaya cinta terhadap ilmu dan pengetahuan (untuk menjadi bangsa global seperti bangsa-bangsa global yang lain – mengikut takrif Kotkin), infrastruktur pembangunan sumber manusia Melayu Pulau Pinang yang lengkap perlu disediakan. Infrastruktur tersebut perlu menepati empat objektif yang berikut:

- Menghasilkan Melayu Pulau Pinang sebagai bangsa yang berfikir (dalam serba serbi bentuk pemikiran);
- Mewujudkan bangsa Melayu Pulau Pinang sebagai bangsa yang mengamalkan budaya sains dan teknologi;
- Menjadikan Melayu di negeri Pulau Pinang sebagai satu bangsa yang senantiasa mengejar dan menempa kecemerlangan; dan,
- Membangunkan minda Melayu di Pulau Pinang sebagai bangsa yang bebas menentukan masa depannya sendiri – tanpa perlu bergantung kepada sesiapa pun dalam semua aspek kehidupannya.

Bertolak dari situ, sumber manusia Melayu Pulau Pinang perlu diasah dan diasuh untuk memenuhi yang berikut:

- Kemahiran teras yang diperlukan untuk mengisi keperluan ekonomi yang berasaskan ilmu dan pengetahuan;
- Kemahiran sampingan (*soft skills*) untuk meningkatkan keupayaan menerap kemahiran teras serta penerimaan dalam pasaran pekerjaan; dan,
- Pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu budaya.

Malangnya, saya dapati bahawa bangsa Melayu, tidak hanya di negeri Pulau Pinang bahkan juga di negeri-negeri lain, amat kurang sekali minat mereka mendekati ilmu dan pengetahuan dan maklumat— baik yang berkaitan kerjaya atau pembangunan minda walaupun berbagai galakan serta kemudahan, dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan, telah ditawarkan dan disediakan. Ia perlu bermula dari keluarga. Keluarga itu sendiri harus menekankan tentang pentingnya kedahagaan terhadap ilmu dan pengetahuan serta kecemerlangan dalam hidup. Jika keluarga itu mengambil sikap sepi terhadap ilmu dan pengetahuan serta sambil lewa terhadap kecemerlangan, segala kemudahan yang ditawarkan dan disediakan akan terbazir begitu sahaja. Usaha harus ditekankan terhadap individu serta keluarga Melayu supaya mereka digerakkan sebagai jentera pengilmuan bangsa.

Struktur serta Proses Pelaksanaan

'Strategi Tiga Serangkai' yang telah digariskan memerlukan struktur serta proses pelaksanaan yang terancang, termantau, serta bersepadu. Tidak perlu ditubuh satu struktur yang baru lantaran struktur yang ada sudah memadai. Apa yang perlu dilakukan adalah penstrukturan semula jentera pemikiran, pembuat serta pelaksana program pembangunan Melayu Pulau Pinang yang ada untuk mengambil kira strategi serta pendekatan yang baru. Ia juga perlu mengambil kira tidak hanya pandangan bahkan juga penglibatan persatuan-persatuan Melayu (*NGO*) yang berbentuk perdagangan dan bukan perdagangan. Saya yakin bahawa pendekatan berbentuk kelompok (*cluster*) berupaya menggerakkan komunikasi berbagai hala serta memantau keberkesanan strategi serta program yang dilaksanakan. Di dalam hal ini, DPMM Pulau Pinang (dengan kerjasama Unit Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, PERDA, PDC, USM, dan UiTM) tidak keberatan menawarkan dirinya untuk menginisiatifkannya.

V. Penutup

Ekonomi negeri Pulau Pinang pasti berjaya menjalani transformasi keduanya: dari sebuah ekonomi yang berasaskan pengeluaran ke sebuah ekonomi yang dijana oleh ilmu dan pengetahuan. Persoalannya: Adakah ekonomi Melayu Pulau Pinang akan searus dengan transformasi tersebut. Jawapannya: Saya yakin bahawa ia dapat di bawa searus dengan transformasi tersebut jika kita yakin dan berani mengambil strategi serta pendekatan yang luar dari strategi serta pendekatan yang sedia ada. Kita sering kehilangan kesempatan

kerana kelambatan kita mengejar arus yang sudah lama dan deras meninggalkan kita.

Janganlah ungkapan itu menjadi kebenaran kepada kita semua.

Rujukan:

1. Philip Bobbit (2002): *The Shield of Achilles: War, Peace, and the Course of History*; New York: Alfred A. Knopf.

2. Joel Kotkin (1994); *Tribes: How Race, Religion, and Identity Determine Success in the New Global Economy*; New York: Random House.

3. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (2003); "Enhancing Competitiveness in the Manufacturing Sector: The Case of Penang State"; kertas kerja yang dibentangkan di '24th JAMECA-MAJECA Joint Conference' di Jepun, pada 10 Julai 2003.

4. State Government of Penang; *The Second Penang Strategic Development Plan, 2001-2010*.

LAMPIRAN

Jadual I: Transformasi Ekonomi Negeri serta Peratusan Sumbangan Sektor kepada KDNK, Negeri Pulau Pinang, 1970-2002

	1970	1990	2002
Pertanian	19.7%	3.2%	2.4%
Pembuatan	12.7%	43%	45.3%
Pembinaan	5.8%	3.2%	2.4%
Perdagangan/Perkhidmatan	61.8%	50.6%	49.8%
KDNK (RM)	1.25 (ribu juta)	7.88 (ribu juta)	17.09 (ribu juta)

Sumber: Dr. Koh Tsu Koon (2003); Enhancing Competitiveness in the Manufacturing Sector: The Case of Penang State.

Nota: Pada tahun 1970, penyumbang utama kepada kepada ekonomi negeri Pulau Pinang adalah sektor perdagangan/perkhidmatan (menyumbang 62 peratus kepada KDNK negeri Pulau Pinang) ekoran aktiviti utamanya sebagai pusat 'entrepot', dengan sektor pertanian (menyumbang 20 peratus kepada KDNK negeri Pulau Pinang) sebagai penyumbang kedua. Transformasinya sejak tahun 1970, kian menonjolkan sektor pembuatan sebagai penyumbang yang besar (dari 13 peratus pada tahun 1970 ke 45 peratus pada tahun 2002). Sumbangan sektor perdagangan/perkhidmatan walaupun kekal sebagai penyumbang utama memaparkan penurunan (dari 62 peratus pada tahun 1970 ke 50 peratus pada tahun 2002). Ia juga tidak lagi berasaskan perdagangan 'entrepot' tetapi perdagangan serta perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan.

Jadual II: Profil Sektor Pembuatan di dalam Kawasan Perindustrian PDC, 2002

Jenis Industri	Bil. Kilang	%	Bil. Pekerja	%
Elektronik/Elektrikal	150	22	118,515	61
Logam	169	24	19,784	10
Plastik	77	11	9,369	5
Kertas/Pencetakan	62	9	5,611	3
Kimia/Baja	53	8	4,422	2
Mesin	40	6	2,077	1
Makanan	29	4	2,818	1
Tekstil/Pakaian	23	3	12,598	6
Getah	18	2	5,486	3
Lain-Lain	70	10	15,164	8
JUMLAH	691	100	195,844	100

Sumber: State Government of Penang; The Second Penang Strategic Development Plan, 2001-2010; Jadual 4.1, muka surat 4-2.

Nota: Sub-sektor elektronik/elektrikal, walaupun merupakan 22 peratus dari jumlah bilangan kilang, menyumbang 61 peratus kepada jumlah pekerjaan di dalam sektor pembuatan ekonomi negeri Pulau Pinang. Sub-sektor logam, walaupun melebihi sub-sektor elektronik/elektrikal dari segi bilangan, menyumbang hanya 10 peratus dari jumlah pekerjaan.

Jadual III: Pelaburan mengikut Negara Asal

	Bil. Kilang	%	Bil. Pekerja	%	Modal Berbayar (RM juta)	%
Malaysia	342	47	35,050	23.4	2,506.6	33
Jepun	61	8.3	19,887	13.3	1,456.8	19.2
Taiwan	62	8.5	12,770	8.5	741.7	9.8
USA	37	5	35,025	23.3	710.1	9.3
Lain-Lain	229	31.2	47,348	31.5	2,175.6	28.7
Jumlah	731	100	150,080	100	7,589.8	100

Sumber: Dr. Koh Tsu Koon (2003); Enhancing Competitiveness in the Manufacturing Sector: The Case of Penang State.

Jadual IV: Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM), Pulau Pinang

Pendapatan	1990	1993	1997	1999
Melayu	1,025	1,463	2,249	2,427
Cina	1,556	2,159	4,027	3,784
India	1,252	1,599	2,809	2,895
Lain-Lain	4,103	4,553	3,476	4,967
Jumlah	1,332	1,845	3,130	3,128
Nisbah Ketidaksamaan				
Melayu:China	0.66:1	0.80:1	0.56:1	0.64:1
Melayu:India	0.82:1	0.91:1	0.80:1	0.84:1

Sumber: State Government of Penang; The Second Penang Strategic Development Plan, 2001-2010; Jadual 7.1, muka surat 7-3.